

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA  
SEMPENA  
PERHIMPUNAN BULANAN  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
BAGI BULAN MAC 2015  
PADA  
24 APRIL 2015  
(JUMAAT)  
BERTEMPAT DI  
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID  
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBrs. Tuan Hj.Sarani bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Ir. Annies bin Md. Ariff  
Ketua Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd Karim  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)  
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,  
YBhg. Dato' Sri-Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

## **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

2. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2015. Satu sesi Ketua Setiausaha Negara bersama media telah diadakan pada 7 April 2014. Seperti mana kita sedia maklum, Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen sebanyak 3 kali setahun di mana kita sebagai agensi pelaksana dalam projek pembangunan negara tidak dapat mengelak daripada diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Selain itu, isu-isu audit yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara juga dipaparkan dalam Auditor's General Dash Board (AG's Dashboard) di laman sesawang Jabatan Audit Negara bertujuan untuk menyediakan maklum balas terkini kepada orang awam secara telus dan mempercepatkan penyelesaian isu berbangkit. Justeru itu, maklum balas daripada Head of Project Team (HOPT), Head of Design Team (HODT) dan Pegawai Penguasa (SO) hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dengan lengkap serta menjawab teguran audit. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan pengurusan projek ditadbir dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan semasa Kerajaan.

3. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1, sebanyak 319 teguran telah dilaporkan yang terdiri daripada 6 teguran

*punitive* iaitu melibatkan penyalahgunaan kuasa, salah laku, penyelewengan dan kecuaian manakala 313 teguran *corrective* iaitu menjurus kepada penambahbaikan sistem dan prosedur dalaman. Alhamdulillah, tiada projek yang dibentangkan dalam Laporan 2014 Siri 1 yang melibatkan KKR mahupun JKR mendapat teguran *punitive*. Walaupun tiada teguran, kementerian tetap memandang serius terhadap teguran audit dan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur dalaman agar ketidakpatuhan serta ketidakakuruan peraturan kerajaan dapat diminimumkan. Justeru itu, warga Kementerian dan Agensi haruslah menyemai budaya kerja berintegriti dan berkualiti pada setiap masa agar segala peraturan dan prosedur dipatuhi dan dapat mengelakkan daripada pembaziran wang kerajaan.

## **RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (2016-2020)**

4. Pada 21 Mei 2015 YAB Perdana Menteri akan membentangkan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) di Parlimen Malaysia. RMKe-11 merupakan fasa akhir pelan hala tuju pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
5. RMKe-11 akan menggunakan pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau Malaysian National Development Strategy (MyNDS). MyNDS adalah berasaskan kepada ekonomi yang berteraskan rakyat (*people economy*) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berasaskan modal (*capital economy*) yang menumpukan kepada aspek pencapaian pendapatan yang tinggi.
6. Ke arah mencapai objektif tersebut, Kerajaan akan mengutamakan projek-projek berimpak tinggi dengan kos yang rendah serta

memastikan pelaksanaan yang cekap dan pantas (high impact, low cost and fast execution).

7. Bagi mencapai matlamat MyNDS, RMKe-11 dirangka dengan berpaksikan kepada enam teras strategik iaitu:

Teras 1: Memperkuuh pembangunan inklusif;

Teras 2: Meningkat kesejahteraan rakyat;

Teras 3: Pembangunan modal insan;

Teras 4: Menuju ke arah pertumbuhan Hijau;

Teras 5: Memperkasa asas pertumbuhan; dan

Teras 6: Merekayasa pertumbuhan ekonomi

Saya yakin, semua Bahagian-bahagian di Kementerian dan Agensi yang terlibat dengan penyediaan RMKe-11 ini, telahpun selesai mengemukakan segala maklumat yang berkaitan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dimuktamadkan.

## **SAMBUTAN HARI PEKERJA 1 MEI 2015**

8. Pada 1 Mei 2015 semua penjawat awam dan swasta akan menyambut hari pekerja yang disambut pada setiap tahun. Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan kali ini akan diadakan di Kuching, Sarawak dengan tema “Pekerja Sihat Produktiviti Meningkat”. Sesuai dengan tema hari pekerja tahun ini Kementerian juga telah mengorak langkah dengan mengadakan program ‘Wellness’ iaitu *Well For Life-MOW Fit 2015*. Program ini bertujuan untuk mewujudkan gaya hidup yang sihat di kalangan warga KKR melalui keseimbangan kesihatan minda dan fizikal. Antara pengisian program adalah ceramah kesihatan, Zumba, *body weight training* dan beberapa aktiviti berbentuk kesihatan yang akan diadakan pada setiap hari Selasa dan Khamis. Melalui

program ini, pekerja juga akan diberi kesedaran bahawa gaya hidup yang sihat amat penting kerana pekerja adalah aset jabatan manakala kesihatan adalah aset penting bagi pekerja.

9. Bagi menyokong agenda transformasi nasional, Kerajaan sedang rancak melaksanakan Transformasi Perkhidmatan Awam. Kerajaan hari ini bukan hanya mentadbir untuk rakyat, tetapi juga mentadbir bersama rakyat, membina rangkaian, memudahcara perkhidmatan dan memfokus kepada keberhasilan yang besar serta pantas. Lanjutan itu, peranan dan pendekatan Kerajaan juga harus turut berbeza.

10. Sememangnya, penjawat awam adalah tiang seri negara, terutamanya dalam membantu Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Oleh yang demikian, harapan rakyat hanya meningkat terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan. Pada era globalisasi yang menjadikan dunia kelihatan mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologimaklumat, maka sistem pengurusan dan cara kita bekerja juga perlu lebih efektif dan berdaya saing diperlukan bagi meletakkan kita sesntiasa seiring dan dinamik dengan arus semasa.

11. Sebagai tiang seri negara, penjawat awam mesti dilengkapi dengan ilmu, kemahiran dan kebolehan tertentu yang bertunjangkan kepada lima prinsip atau kriteria tiang seri negara iaitu berilmu, kebolehpercayaan, budaya amalan kerja terbaik, semangat patriotik dan budaya keberhasilan yang berteraskan '*outcome based*'. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat hari pekerja dan sambutlah dengan semangat yang jitu dan hati yang bersih dan hayatilah dasar-dasar dan visi utama penjawat awam dalam mendokong aspirasi Negara.

## **PELAN TRANSFORMASI KKR**

12. Kementerian juga telah siap menghasilkan Pelan Transformasi KKR. Kerangka Pelan Transformasi KKR telah mula dibangunkan pada awal tahun 2014 yang turut melibatkan agensi-agensi di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan CIDB. Beberapa siri bengkel telah diadakan dan Kerangka Pelan Transformasi KKR ini telah dibentangkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 4 September 2014.

13. Pelan Transformasi KKR mengandungi **5 Teras Strategik** yang terdiri daripada **17 Langkah Strategik**. Bagi melaksanakan Pelan Transformasi KKR, Kementerian dan Agensi telah mengenal pasti 25 Inisiatif Strategik yang mampu memacu usaha Kementerian ke arah visi Kementerian iaitu **“Kementerian sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara yang unggul menjelang 2020”**.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Pelancaran Pelan Transformasi Kementerian Kerja Raya. Semoga transformasi KKR menjadi anjakan positif kepada kualiti sistem penyampaian KKR. Insyaallah.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

